

21 FEB 2000

Mahathir-Media

PM BIDAS PENGKRITIK PROJEK TEKNOLOGI TINGGI M'SIA

SHAH ALAM, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas media asing kerana mempersoalkan pelaburan kerajaan dalam projek-projek teknologi tinggi seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) dan keupayaan Malaysia untuk menjayakannya.

Semasa berucap di perasmian Ericsson Mobile Communications Sdn Bhd, dekat sini, hari ini, Dr Mahathir berkata Malaysia telahpun membuktikan kebolehhannya dalam mengendalikan dengan jayanya projek-projek yang ia laksanakan.

"Sentimen negatif yang dinyatakan mengenai MSC sama seperti yang dikatakan sebelum ini mengenai projek kereta nasional, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan langkah kawalan mata wang yang menyelamatkan Malaysia daripada krisis ekonomi Asia."

"Semua ini terbukti berjaya. Adakan terdapat apa-apa sebab untuk percaya dengan orang-orang ini sekarang, sedangkan sebelum ini mereka silap setiap kali," kata beliau lagi.

Dr Mahathir juga berkata, ada antara pengkritik yang menganggap Cyberjaya sebagai bandar tinggal, walaupun ia mustahil membina seluruh bandaraya dalam tempoh beberapa bulan.

"Di Cyberjaya, kita telah membina bangunan-bangunan besar dalam beberapa bulan tetapi bukan keseluruhan bandaraya itu. Ini akan mengambil masa bertahun-tahun," kata beliau lagi.

Cyberjaya merupakan bandar raya pintar pertama dunia dan ia berada dalam MSC, zon seluas 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang dikhaskan sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir berkata, Cyberjaya telah menempuhi banyak kemajuan berbanding padang hijau semasa ia diperolehi pada 1997.

Beliau juga menjelaskan yang Universiti Multimedia mempunyai lebih 3,000 penuntut dan kakitangan akademik daripada seluruh dunia.

Menjelang hujung tahun, kemudahan awam seperti sekolah-sekolah dan taman-taman sebahagian besarnya akan siap untuk melengkapkan infrastruktur asas yang sudahpun siap pada Julai 1999.

"Yang lebih penting, semua ruang pejabat dalam pembinaan ataupun siap sudahpun mempunyai pemilik," dan menambah kata lebih 100 syarikat dengan status MSC dijangka berpindah ke Cyberjaya menjelang Sept 2000.

Kekuatan MSC juga terdapat pada kepelbagaian syarikat-syarikat yang telah mendapatkan status MSC.

"Sementara ada yang menetapkan sasaran pada pasaran dunia, yang lain mahu menumpukan kepada Asia dan rantau," katanya.

Perdana Menteri menyatakan keyakinannya yang rakyat Malaysia mempunyai masa depan yang terjamin sebahagian besarnya kerana pencapaian MSC hari ini.

Beliau berkata, projek MSC kini telah mencapai semua peringkat utama yang ditetapkan.

"Kita sekarang mempunyai 300 syarikat dengan status MSC termasuk 34 pembentuk web. Syarikat-syarikat itu dianggarkan mempunyai pelaburan berjumlah RM3.4 bilion pada 1999 dan menggajikan lebih 14,000 pekerja dalam bidang teknologi maklumat," katanya.

-- BERNAMA

AD DVS PR